

GARDEN OF KNOWLEDGE

21KM VIRTUAL RUN

KESATU adalah salah sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar di bawah

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan CEUPACS.

Bagi melahirkan masyarakat khususnya kakitangan UIAM yang menjalani kehidupan sihat dan cergas, dengan besar hati KESATU ingin mengajak anda semua penyertai

Program Larian KESATU secara maya yang diberi nama

“GARDEN OF KNOWLEDGE 21KM VIRTUAL RUN”.

Larian bertemakan moto UIAM ini juga memberi inspirasi kepada pelari dengan memilih misi “**I AM BRILLIANT RUNNER**” adalah bagi menghargai setiap peserta yang bijak memilih larian sebagai salah satu cara hidup yang sihat.

YA! ANDA MEMANG BIJAK!

KESATU juga ingin menjadikan program ini sebagai platform permulaan bagi perkenalkan Larian KESATU sebagai program tahunan, menggalakkan setiap organisasi, komuniti dan masyarakat yang sihat dan sekaligus menanam minat secara sukalera dan bersantai dalam menjalani kehidupan yang sihat melalui larian.

Jom! Mulakan aktiviti larian sebagai cara hidup sihat dan menamatkan larian separuh marathon pertama 21km anda sebagai pencapaian peribadi terutama yang baru berjinak dengan dunia larian.

TERMA DAN SYARAT

Pendaftaran dan Pembayaran

1. Penyertaan terbuka kepada semua Kakitangan dan Pelajar UIAM, Jabatan Kerajaan dan Swasta juga Orang Awam.
2. Para peserta yang berminat untuk menyertai program larian “Garden of Knowledge Virtual Run” boleh membuat pendaftaran di <http://www.adhambikecentre.net/>
3. Pilih jenis penyertaan anda samaada secara perseorangan (INDIVIDU) atau berpasukkan minimum tiga orang (TEAM).
4. Para peserta dikehendaki melengkapkan proses pendaftaran dengan mengisi segala maklumat dengan betul dan tepat.
5. Para peserta juga diminta membaca dan memahami segala maklumat yang diberikan sebelum mengesahkan pendaftaran anda.
6. Selepas pendaftaran penyertaan, pembayaran boleh dilakukan secara online ke nombor akaun yang disertakan.
7. Setiap peserta boleh membuat pendaftaran mulai **1hb hingga 31hb August 2018**.

Kategori dan Syarat Larian

1. Larian terbuka kepada tiga kategori iaitu:
 - a. Larian Individu
 - b. Larian Berpasukan (min. 3 orang)
 - c. Penyertaan Jabatan Teramai (UIAM/Luar)
2. Tempoh larian yang dikira adalah mulai **1hb hingga 30hb September 2018**.
3. Setiap pendaftaran akan diberi no. Bib mengikut kategori.
4. Larian yang dilakukan adalah secara bebas tidak kira masa dan tempat.
5. Larian harus di rekod menggunakan applikasi larian talifon pintar dan dikumpulkan.
6. Antara applikasi larian yang dicadangkan:

a. Strava	c. Runkeeper	e. RunGo
b. Runtastic	d. MapMyRun	f. RockMyRun

7. Jarak larian yang perlu dicapai oleh setiap peserta samaada secara satu larian ataupun dicampurkan adalah perlu mencukupi 21km.
8. Penyertaan berkumpulan perlu menyertakan juga gambar secara swafoto dan dihantar bersama bukti larian.

Pakej dan Yuran Penyertaan

1. Penyertaan dalam larian KESATU akan dibuka kepada dua bahagian/pakej iaitu:

Pakej A	Pakej B
Medal Sijil Penyertaan	Baju Medal Sijil Penyertaan

2. Yuran penyertaan mengikut kategori:

Individu	Individu
Pakej A: RM30	Pekej B: RM40 seorang

Berpasukan	Berpasukan
Pakej A: RM25	Pekej B: RM35 seorang

*Penyertaan berpasukan memerlukan sekurang-nya 3 orang peserta.

3. Pemberian Rebat RM5 diberikan kepada penyertaan kategori individu kepada:
 1. Ahli KESATU
 2. Pelajar UIAM

Pengesahan Dan Tuntutan Kit

1. Setiap peserta harus menunjukkan bukti larian yang telah dilakukan secara maya, dengan menghantar “screenshot” secara email ke kesatuvirtualrun@gmail.com atau whatsapp ke no yang tertera di poster.

2. Cara tuntutan adalah seperti berikut:

- a. Baju & Medal - Kaunter tuntutan akan dibuka di UIAM Kuantan
- b. Sijil Penyertaan - Akan dihantar melalui e-mail
- c. Bagi peserta luar Kuantan, ianya akan dihantar melalui pos.

*Cas pos RM7 (Semenanjung) dan RM10 (Sabah/Serawak) ditanggung oleh peserta.

Isu Kesihatan dan Keselamatan

1. Para peserta dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat perubatan dari pihak pakar sebelum membuat pendaftaran bagi acara ini.
2. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kecederaan atau kematian semasa melakukan acara ini.
3. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan yang dibuat oleh mana-mana pihak dan bayaran tidak akan dipulangkan jika berlaku sebarang kecederaan dan kematian semasa melakukan acara ini.

Hak Penganjur

1. Pihak penganjur berhak untuk menangguhkan atau membatalkan acara ini sekiranya berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini.
2. Pihak penganjur berhak untuk meminda terma dan syarat tanpa menyatakan sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.
3. Pihak penganjur berhak untuk menggunakan mana-mana gambar dan rakaman para peserta untuk sebarang tujuan iklan tanpa menyatakan sebarang pemberitahuan terlebih dahulu.
4. Pihak penganjur berhak untuk tentukan hadiah pemenang dan tertakluk kepada perubahan.

Akta Perlindungan Data Peribadi

1. Pihak penganjur akan mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan data peribadi peserta selamat dan juga memerlukan mana-mana pemprosesan data pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama.
2. Pihak penganjur akan memastikan bahawa semua data peribadi telah dihapuskan secara kekal jika tidak lagi diperlukan untuk tujuan aktiviti tersebut
3. Pihak penganjur boleh melepaskan data peribadi peserta jika dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang atau peraturan kerajaan atau oleh mana-mana badan/pihak berkuasa yang berkenaan.